

Keistimewaan Rasulullah SAW

Daripada Abi Musa al-Asyraari RA, Rasulullah SAW bersabda:

أُعْطِيْتُ فَوَاتِحَ الْكَلِمٍ وَخَوَاقِهِ، قُلْنَا: يَا رَسُولَ اللَّهِ، عَلَمْنَا مَا عَلَمْتَ اللَّهُ، فَعَلَمْنَا
 التَّشَهِيدَ


Maksudnya: “Dikurniakan kepadaku pembukaan kalimah dan penutupnya kami bertanya: Hai Rasulullah, ajarkan kepada kami apa yang Allah ajarkan kamu. Lantas Rasulullah mengajar kami bacaan tasyahud.”

Riwayat Abu Ya'la dalam musnadnya (4/1737)

Pedoman dan Iktibar Hadis

Antaranya:

1. Sifat-sifat Baginda sama ada yang berbentuk rohani atau jasmani telah dijelaskan oleh al-Quran, al-Sunnah, buku sirah dan buku sejarah. Ini kerana baginda merupakan seorang nabi pembawa syariat dan contoh teladan dalam pelbagai aspek kehidupan, yang mengajak ke arah pembentukan manusia yang sempurna. Baginda telah berjaya menjadi insan contoh dalam pelbagai perwatakan, pemimpin, pejuang, pendakwah, seorang ayah, sahabat dan sebagainya. Kesimpulannya, baginda adalah seorang insan yang sempurna. Antara ciri-ciri kesempurnaan baginda ialah:
 - Kehidupan baginda merangkumi pelbagai aktiviti dan keadaan, baginda adalah seorang Nabi, pemimpin di medan perang, pemerintah, suami, ayah, pejuang, pentadbir, khatib dan seterusnya sebagai pendidik. Baginda telah menjadi contoh kepada kita di dalam rumah, di pasar, di masjid, dalam



perjalanan, ketika bersama kawan dan sebagainya. Semua perilaku baginda boleh dijadikan contoh dalam pelbagai aspek kehidupan.

- Baginda SAW telah mencapai ke tahap contoh teladan yang begitu tinggi dan sempurna. Baginda telah menumpukan diri dan hidupnya untuk menjadi contoh teladan yang sempurna.
 - Contoh yang paling penting dalam kehidupan baginda adalah sebagai teladan kepada orang-orang miskin dan lemah. Baginda dilahirkan dalam keadaan yatim dan dibesarkan dalam keadaan fakir dan hidup dengan penuh zuhud, meskipun kunci kekayaan ada padanya.
2. Al-Aqqad dari kalangan ahli bahasa moden menyifatkan bahawa kefasihan Rasulullah SAW adalah: Cukup sempurna dan kesempurnaan ini terpapar pada cara-cara baginda bercakap dan tajuk yang diperkatakan. Baginda merupakan orang Arab yang paling fasih, kefasihannya seindah baginda bertutur. Perkataan baginda merupakan bukti nyata bahawa baginda telah dianugerahkan kepetahanan dan gaya bahasa yang ringkas namun padat.
 3. Syeikh Mustafa Sadiq al-Rifaie pula pernah menegaskan bahawa: Baginda merupakan orang Arab yang paling fasih, gaya bahasanya tidak dibuat-buat atau direka-reka, ia merupakan gaya bahasa yang indah mengandungi unsur-unsur ilham kenabian yang tidak dapat ditandingi oleh kemampuan manusia biasa. Kepetahannya merupakan anugerah daripada Allah yang telah mengutusnya kepada kaum Arab yang masyhur dengan kepetahanan mereka. Baginda mampu menguasai bahasa ini sama ada hakikatnya yang sebenar mahupun rahsianya yang tersembunyi sehingga baginda boleh bercakap dengan setiap kabilah Arab mengikut dialek dan cara mereka berfikir. Namun begitu, baginda tetap merupakan pembicara yang terunggul dalam berbahasa dan bertutur.
 4. Sebenarnya oleh kerana Rasulullah mewakili sifat insan yang *kamil* (sempurna) untuk dijadikah *qudwah* dan *uswah* bagi seluruh manusia sudah tentu Rasulullah amat banyak mempunyai keistimewaan. Ini amat sesuai bagi pembawa risalah Allah yang akan dijadikan panduan hidup dan rujukan dalam semua aspek kehidupan baik dalam masalah perseorangan, kekeluargaan, pemerintahan, kejiranan dan lain-lain.
 5. Para ulama mengarang dalam karya mereka berkenaan dengan keistimewaan Rasulullah SAW dan juga umatnya. Ini amat sesuai bagi Rasulullah SAW

untuk dimakrifah oleh umatnya seterusnya dapat menghayati sahsiah dan keperibadian Rasulullah SAW yang unggul.

6. Antara keistimewaan Rasulullah SAW ialah risalahnya yang berbentuk alami dan sesuai pada setiap zaman dan tempat. Di samping itu, mereka yang mengikutnya tidak merasa sebarang masalah dan kesusahan sebaliknya perasaan senang dan tenang akan bertapak dalam sanubari mereka.

Mutiara Hikmah

- ❖ **Pujangga berkata:** Kemuliaan ilmu dan kebudayaan akan kekal, terutama bagi orang yang bekerjaya mengajar dan menulis. Sedangkan kemuliaan yang berpunca dari kemasyhuran dan kedudukan adalah bayang-bayang yang akan segera lenyap dan fantasi yang palsu.
- ❖ **Pujangga berkata:** Kegembiraan kerana ilmu itu akan abadi, kemuliaan kerana ilmu akan lestari, dan kebenaran kerana ilmu akan kekal. Sedangkan kegembiraan kerana harta akan mudah hilang, kemuliaan yang disebabkan harta akan mengarah kepada kehancuran dan kebenaran kerana harta akan memudar.

Kisah Teladan

Sesungguhnya Abu Bakar telah masuk ke gua sebelum Rasulullah SAW kerana khuatir sesuatu yang tidak diinginkan akan terjadi kepada baginda, atau kerana ular akan menyambar baginda atau kerana serangga yang dapat menyakitkan baginda. Dia masuk ke dalam gua dan menutup semua lubang yang ditemukan dalam gua dengan serbannya, dia memotong serban tersebut dan menyumbat setiap lubang. Ketika semua lubang telah ditutup, maka Rasulullah SAW pun masuk.

Diceritakan bahawa Abu Bakar menutup salah satu lubang dengan kakinya, maka seekor kala jengking menggigitnya, dia tetap berdiam diri dan menahan rasa sakit hingga menangis. Air mata menitis hingga ke janggutnya, sedangkan Nabi

tidur di atas peha Abu Bakar. Ketika Rasulullah SAW mengetahui, maka baginda mengusap kakinya hingga sembuh dengan izin Allah.

Orang-orang kafir Mekah mengiklankan bahawa sesiapa yang dapat menangkap Muhammad SAW maka baginya hadiah seratus ekor unta. Semua pemuda yang berani dan orang gagah bangkit untuk mendapatkan tawaran tersebut. Semua berangan-angan untuk mendapatkan seratus ekor unta.

Mereka bertebaran mencari dan mendaki setiap gunung di Mekah serta melalui setiap pelusuk, mereka juga mencari di setiap gua yang ada. Mereka juga membalik-balik setiap batu, pokok dan pada setiap lembah serta di setiap gunung. Mereka mencari orang yang paling agung dan makhluk yang paling afdal untuk melakukan jenayah yang paling teruk dalam sejarah manusia iaitu mereka ingin membunuh Muhammad SAW.

Mereka ingin menguburkan kebaikan, kebenaran, keadilan dan juga kesucian. Mereka juga ingin menguburkan rasa toleransi, Islam, keimanan, ihsan, cahaya dan juga keutamaan, namun Allah Maha Kuasa di atas mereka, baginda telah dijaga dan dipelihara dengan penjagaan Allah, *inayah*-Nya dan juga taufik-Nya. Mereka semua (orang musyrik) telah sampai di tempat persembunyian Rasulullah SAW dan Abu Bakar.

Ahli sejarah menceritakan bahawa Allah telah mengirimkan labah-labah untuk membina sarangnya di pintu gua, sedangkan labah-labah adalah makhluk Allah yang paling lemah. Allah tidak memerangi orang-orang yang zalim kecuali dengan makhluk yang paling lemah, tidak mengalahkan Ratu Balqis kecuali dengan burung Hud-Hud dan tidak mengalirkan air mata Raja Namrud kecuali dengan seekor nyamuk. Allah melawan manusia dengan seekor lalat, ini untuk menunjukkan bahawa Allah itu Maha Kuat.

Bagaimana jika Allah menggunakan kekuatan-Nya yang agung, memerintahkan semua malaikat-Nya. Kita meminta perlindungan dari marah-Nya, seksa-Nya dan kejahatan hamba-Nya. Mengikut sebahagian ahli sejarah juga, bahawa burung merpati bertelur dengan tenang di pintu gua, maka Allah memalingkan orang-orang kafir hingga mereka beredar dari mengadap gua.

Seorang penyair bermadadah:

ظَنُّوا الْحِمَامَ وَظَنُّوا الْعَنْكَبُوتَ عَلَى ❁ خَيْرِ الْبَرِّيَّةِ لَمْ تَسْجُعْ وَلَمْ تَحْمِ
 عِنَابَةُ اللَّهِ أَغْنَتْ عَنْ مَضَاعِفَةِ ❁ مِنَ الدُّرُوعِ وَعَنْ عَالٍ مِنَ الْأَطْمِ

*Mereka menyangka burung merpati dan labah-labah tidak akan
bina rumah dan bertelur tempat manusia agung di dalamnya.*

*Pertolongan Allah telah mencukupi daripada bertubi-tubinya beban berat
Dan binaan yang selalu ditanggungnya.*

Mereka semua naik ke atas gua sedangkan Abu Bakar melihat mereka dan berkata: Wahai Rasulullah, demi Allah, jika salah seorang di antara mereka melihat tempat pijak kedua-dua tapak kakinya, nescaya ia dapat melihat kita. Rasulullah SAW hanya tersenyum dan berkata: Apa yang kamu dakwakan pada dua orang yang sedang bersama, sedangkan yang ketiga adalah Allah? Hal ini sebagaimana firman Allah SWT:

لَا تَخَرَّنْ إِنَّ اللَّهَ مَعَنَا

Maksudnya: *Janganlah kamu berdukacita (takut), sesungguhnya Allah bersama kita.*

(Surah al-Taubah: 40)